

**PENGAPLIKASIAN KBAT DAN TEKNOLOGI
DALAM PENULISAN KARANGAN BERPANDU
BERDASARKAN MODEL FLOWER DAN HAYES :
KAJIAN KES DI SEKOLAH BERASRAMA
PENUH**

DZULKIFLI BIN MOHD ASPAH

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2024

**PENGAPLIKASIAN KBAT DAN TEKNOLOGI
DALAM PENULISAN KARANGAN BERPANDU
BERDASARKAN MODEL FLOWER DAN HAYES :
KAJIAN KES DI SEKOLAH BERASRAMA
PENUH**

oleh

DZULKIFLI BIN MOHD ASPAH

**Tesis yang diserahkan untuk
Memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera**

Januari 2024

PENGHARGAAN

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat illahi kerana dengan izin-Nya saya dapat menyiapkan penulisan penyelidikan saya bagi memenuhi syarat Ijazah Sarjana Pendidikan Universiti Sains Malaysia. Saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada Bahagian Tajaan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang telah memberi peluang kepada saya untuk mendapatkan biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) sekali gus menaja pengajian saya selama dua tahun di Universiti Sains Malaysia (USM). Setinggi-tinggi penghargaan juga saya titipkan buat USM kerana memberi peluang untuk saya menimba ilmu dan menguruskan segala keperluan saya sebagai pelajar pasca siswazah dengan sangat efisien. Dalam kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada pensyarah penyelia saya iaitu Dr Fadzilah Amzah yang sudi berkongsi ilmu kepada saya yang tidak memiliki asas kemahiran penyelidikan sebelum penyelidikan ini bermula. Beliau tetap sabar memberikan panduan dan sokongan moral kepada saya bermula daripada proses penulisan proposal sehinggalah saya berjaya menyiapkan penyelidikan ini.

Terima kasih juga kepada keluarga saya yang memberikan sokongan dan menitipkan doa agar urusan pengajian saya berjalan lancar. Jutaan terima kasih juga, saya ucapkan kepada rakan-rakan HLP di USM kerana sentiasa memberi bantuan, tunjuk ajar dan sudi menjadi seperti ahli keluarga sendiri yang sentiasa ada apabila diperlukan. Semoga Ukhwah ini, akan terus tersimpul rapi. Akhir kata, semoga penyelidikan saya ini, dapat memberi sedikit sumbangan dalam bidang Pendidikan terutamanya kepada pendidikan Bahasa Melayu dan hasil penyelidikan ini, dapat dimanfaatkan sebaik mungkin.

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
SENARAI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH.....	xii
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN.....	xvii
ABSTRAK	xviii
ABSTRACT	xix
BAB 1 PENGENALAN.....	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang kajian	3
1.3 Pernyataan masalah.....	5
1.4 Objektif Kajian.....	9
1.5 Persoalan Kajian	9
1.6 Definisi Operasional	10
1.6.1 Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	10
1.6.2 Karangan berpandu	11
1.6.3 Sekolah Berasrama Penuh.....	11
1.6.4 Model Mengarang Flower dan Hayes	12
1.6.5 Aplikasi Teknologi.....	13
1.6.6 Penglibatan.....	13
1.7 Signifikan kajian	14
1.7.1 Panitia Bahasa Melayu.....	14
1.7.2 Murid.....	15

1.7.3	Guru	16
1.8	Limitasi Kajian.....	16
1.9	Rumusan.....	17
BAB 2	KAJIAN LITERATUR.....	19
2.1	Pengenalan	19
2.2	Kemahiran Berfikir	20
2.3	Model Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK).....	23
2.4	Penerapan Elemen KBAT dalam Kemahiran Menulis	28
2.5	Dapatan Kajian Lepas Tentang Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dalam Pembelajaran Karangan	30
2.6	Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran (DSKP).....	33
2.6.1	Karangan Berpandu.....	36
2.7	Model Mandiri 1 Bahasa Melayu.....	37
2.7.1	Menganalisis Soalan	38
2.7.2	Membina Kerangka Karangan	39
2.7.3	Membina Perenggan Pendahuluan.....	40
2.7.4	Menulis Perenggan Isi.....	41
2.7.5	Menulis Perenggan Penutup.....	42
2.7.6	Menyemak Karangan	43
2.8	Model Mengarang Flower dan Hayes (1981)	44
2.8.1	Proses Merancang Dalam Model Mengarang Flower dan Hayes.....	45
2.8.2	Proses Menterjemah Dalam Model Mengarang Flower dan Hayes.....	46
2.8.3	Proses Menyemak Dalam Model Mengarang Flower dan Hayes.....	47
2.8.4	Proses Memantau Dalam Model Mengarang Flower dan Hayes.....	48
2.9	Dapatan Kajian Lepas Berkaitan Penulisan Karangan Berpandu	51

2.10	Aplikasi Teknologi Dalam Penulisan karangan	54
2.10.1	Plickers.....	56
2.10.2	Instagram.....	61
2.11	Dapatan Kajian Lepas Tentang Penggunaan Aplikasi Teknologi Dalam Pembelajaran Karangan.....	68
2.12	Penglibatan Murid Dalam Penulisan Karangan Berpandu.	70
2.12.1	Aspek Tingkah Laku Murid	72
2.12.2	Aspek Emosi Murid	72
2.12.3	Aspek Kognitif Murid.....	73
2.13	Penglibatan Murid Dalam Pembelajaran Karangan Berpandu	74
2.14	Dapatan Kajian Lepas tentang Penglibatan Murid Dalam Pembelajaran Karangan	77
2.15	Kerangka Konseptual Kajian	80
2.16	Rumusan.....	81
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN.....	82
3.1	Pengenalan	82
3.2	Reka Bentuk Kajian kes.....	82
3.2.1	Kajian Kes.....	82
3.2.1(a)	Matlamat Kajian Kes.....	86
3.2.1(b)	Keunikan Kajian Kes	87
3.3	Teknik Persampelan dan Peserta Kajian Kes.....	88
3.3.1	Teknik Persampelan Bertujuan	88
3.3.2	Peserta Kajian	89
3.4	Teknik Pengumpulan Data.....	90
3.4.1	Temu bual	91
3.4.1(a)	Temu bual Semi struktur	92
3.4.2	Pemerhatian.....	93
3.4.3	Analisis Dokumen.....	94

3.5	Kaedah Tringulasi	94
3.6	Instrumen Kajian.....	95
3.6.1	Protokol Temubual.....	95
3.6.2	Skrip Jawapan Karangan Berpandu Tingkatan 4	100
3.6.3	Borang Senarai Semak	101
3.6.4	Gambar.....	102
3.7	Kesahan dan Kebolepercayaan Instrumen	103
3.7.1	Dapatan Pakar Tentang Instrumen	104
3.7.2	Penambahbaikan Soalan Temu bual Selepas Ujian Rintis.....	106
3.8	Prosedur Kajian.....	107
3.9	Kajian Rintis	108
3.9.1	Dapatan Kajian Rintis Terhadap Instrumen Protokol Temu Bual	109
3.10	Analisis Data Kajian	112
3.10.1	Analisis Tematik	113
3.11	Rumusan.....	115
BAB 4	DAPATAN KAJIAN.....	116
4.1	Pengenalan	116
4.2	Profil Peserta Kajian	116
4.2.1	Analisis Bahagian A: Bagaimanakah Pengaplikasian Elemen KBAT Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Karangan Berpandu Tingkatan 4 Di Sekolah Berasrama penuh berdasarkan model mengarang Flower dan Hayes Dengan Menggunakan Aplikasi Teknologi.....	117
4.2.1(a)	Mengaplikasi	117
4.2.1(b)	Menganalisis	132
4.2.1(c)	Menilai	141
4.2.1(d)	Mencipta.....	147
4.2.2	Analisis Bahagian B : Bagaimanakah Proses Mengarang Dalam kalangan Murid Tngkatan 4 di Sekolah Berasrama	

	Penuh Berdasarkan Model Mengarang Flower dan Hayes Menggunakan Aplikasi Teknologi.....	160
4.2.2(a)	Merancang.....	160
4.2.2(b)	Menterjemah	179
4.2.2(c)	Menyemak.....	202
4.2.2(d)	Memantau.....	208
4.2.3	Analisis Bahagian C: Bagaimanakah Penglibatan murid Dalam Pembelajaran Karangan Berpandu Tingkatan 4 Di Sekolah Berasrama Penuh Menggunakan Aplikasi Teknologi	222
4.2.3(a)	Pembelajaran Lebih Menarik	222
4.2.3(b)	Murid Menjadi Lebih Aktif.....	227
4.2.3(c)	Murid Melibatkan Diri Dalam Pembelajaran Berkumpulan	232
4.3	Tringulasi Dapatan Kajian	233
4.4	Rumusan Hasil Kajian	234
BAB 5	PERBINCANGAN, IMPLIKASI, CADANGAN DAN KESIMPULAN.....	236
5.1	Pengenalan	236
5.2	Perbincangan.....	236
5.3	Objektif Kajian 1: Rumusan Penggunaan elemen KBAT dalam Skrip karangan berpandu tingkatan 4 di sekolah menengah berasrama penuh berdasarkan model mengarang Flower dan Hayes dengan menggunakan aplikasi teknologi.....	237
5.3.1	Aspek Mengaplikasi.....	238
5.3.2	Aspek Menganalisis	239
5.3.3	Aspek Menilai	240
5.3.4	Aspek Mencipta	241
5.3.5	Objektif Kajian 2: Rumusan Proses Mengarang Dalam kalangan Murid Tngkatan 4 di Sekolah Berasrama Penuh Berdasarkan Model Mengarang Flower dan Hayes Menggunakan Aplikasi Teknologi.....	242
5.4	Merancang.....	242

5.4.1	Menterjemah	243
5.4.2	Menyemak.....	244
5.4.3	Memantau.....	245
5.5	Objektif Kajian 3: Rumusan Penglibatan dalam pembelajaran karangan berpandu tingkatan 4 di sekolah berasrama penuh menggunakan aplikasi teknologi.....	246
5.5.1	Penglibatan Tingkah Laku	246
5.5.2	Penglibatan Emosi.....	247
5.5.3	Penglibatan Kognitif	248
5.6	Implikasi Kajian.....	249
5.6.1	Penggunaan KBAT dan Aplikasi Teknologi Dalam Pembelajaran Karangan	249
5.6.2	Proses Mengarang Dalam Penulisan Karangan Berpandu.....	251
5.6.3	Penglibatan Murid.....	252
5.7	Cadangan Kajian Lanjutan.....	253
5.8	Rumusan Dapatan Kajian.....	254
	RUJUKAN	257
	LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1 Tahap Pemikiran KBAT Mengikut Taksonomi Bloom.....	22
Jadual 2.2 Aktiviti Bagi Proses Merancang	46
Jadual 2.3 Aktiviti Bagi Proses Menterjemah	47
Jadual 2.4 Aktiviti Bagi Proses Menyemak	48
Jadual 2.5 Aktiviti Bagi Proses Memantau	51
Jadual 2.6 Penglibatan Murid Apabila Menggunakan Aplikasi Teknologi (Plickers).....	77
Jadual 3.1 Soalan Temu bual Penerapan Elemen KBAT	96
Jadual 3.2 Soalan Temu bual Berkaitan Proses Mengarang	98
Jadual 3.3 Soalan Temu bual Mengkaji Penglibatan Murid	100
Jadual 3.4 Borang Senarai Semak Melihat Penglibatan Murid Dalam PdP Guru	102
Jadual 3.5 Bilangan Responden Kajian Rintis	109
Jadual 3.6 Ringkasan Persoalan kajian, Instrumen dan Analisis yang digunakan	112
Jadual 4.1 Transkrip temu bual menggunakan semula kemahiran.....	119
Jadual 4.2 Transkrip temu bual membina rangka karangan.....	122
Jadual 4.3 Transkrip temu bual bahan rujukan	125
Jadual 4.4 Transkripsi temu bual mengaplikasikan asas mengarang	129
Jadual 4.5 Transkripsi temu bual membantu proses analisis dalam pembelajaran	133
Jadual 4.6 Transkripsi temu bual analisis bahan rangsangan.....	137
Jadual 4.7 Transkripsi temu bual menyemak selepas selesai menulis karangan.....	142
Jadual 4.8 Transkripsi temu bual menyemak setiap perenggan yang ditulis.....	145

Jadual 4.9	Trankripsi temu bual menulis karangan tanpa merujuk guru	148
Jadual 4.10	Transkripsi temu bual aplikasi teknologi memudahkan proses menulis karangan	151
Jadual 4.11	Transkripsi temu bual.....	161
Jadual 4.12	Transkripsi temu bual membina rangka karangan	165
Jadual 4.13	Transkripsi temu bual sebagai garis panduan penulisan.....	168
Jadual 4.14	Transkripsi temu bual.....	171
Jadual 4.15	Transkripsi temu bual penulisan lebih sistematik	176
Jadual 4.16	Transkripsi temu bual menterjemah bahan rangsangan.....	180
Jadual 4.17	Transkripsi temu bual memudahkan pembelajaran karangna berpandu	183
Jadual 4.18	Transkripsi temu bual tahap penguasaan menulis karangan berpandu.....	188
Jadual 4.19	Transkripsi temu bual jenis-jenis pendahuluan yang dipelajari.....	192
Jadual 4.20	Transkripsi temu bual menyusun idea dalam perenggna isi	196
Jadual 4.21	Transkripsi temu bual menulis perenggan penutup	200
Jadual 4.22	Transkripsi temu bual menyemak karangan	204
Jadual 4.23	Transkripsi temu bual elemen yang disemak.....	207
Jadual 4.24	Transkripsi temu bual proses pemantauan	209
Jadual 4.25	Transkripsi temu bual tempoh masa menulis karangan	212
Jadual 4.26	Transkripsi temu bual memantau keadaan sekeliling	214
Jadual 4.27	Transkripsi temu bual memantau perkara yang ditulis	216
Jadual 4.28	Transkripsi temu bual memantau perasaan dalaman semasa menulis	218
Jadual 4.29	Transkripsi temu bual suka kaan guru menggunakan aplikasi teknologi	221
Jadual 4.30	Transkripsi temu bual pembelajaran menjadi lebih menarik.....	224
Jadual 4.31	Transkripsi temu bual murid lebih aktif.....	226

Jadual 4.32	Transkripsi temu bual lebih fokus dalam pembelajaran	229
Jadual 4.33	Transkripsi temu bual melibatkan diri dalam aktiviti berkumpulan.....	231

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1 Model Kemahiran Berfikir BPK	25
Rajah 2.2 Contoh Karangan Berpandu Tingkatan 4.....	44
Rajah 2.3 Akaun Plickers Guru	58
Rajah 2.4 Contoh Pustaka Soalan Dalam Plickers	58
Rajah 2.5 Contoh Kad Plickers Murid	59
Rajah 2.6 Contoh Akaun Instagram	63
Rajah 2.7 Contoh Penggunaan Ruan gan Komen Dalam Instagram.....	66
Rajah 2.8 Contoh Penggunaan Hashtag (#) Dalam Skrip Jawapan Karangan Berpandu.....	68
Rajah 2.9 Penglibatan Murid Yang Menggunakan Aplikasi Teknologi (Instagram) Dalam Pembelajaran Karangan.....	76
Rajah 2.10 Kerangka Teori Kajian.....	80
Rajah 3.1 Reka Bentuk Kajian Kes	85
Rajah 3.2 Prosedur Kajian.....	108
Rajah 3.3 Analisis Tematik Dalam Kajian Kes.....	113
Rajah 4.1 Contoh aplikasi Plickers yang digunakan dalam pembelajaran karangan	120
Rajah 4.2 Contoh perenggan pendahuluan yang berkaitan dengan tema karangan	121
Rajah 4.3 Maklumat dalam Instagram yang digunakan dalam membantu peserta kajian membina rangka karangan	123
Rajah 4.4 Contoh rangka karangan yang dihasilkan oleh peserta kajian.....	124
Rajah 4.5 Contoh Pendahuluan karangan peserta kajian	127
Rajah 4.6 Contoh perenggan isi peserta kajian	127
Rajah 4.7 Contoh perenggan penutup peserta kajian	128

Rajah 4.8	Contoh perenggan pendahuluan berdasarkan enam asas mengarang.....	130
Rajah 4.9	Contoh perenggan isi yang ditulis oleh peserta kajian.....	131
Rajah 4.10	Contoh perenggan penutup yang ditulis oleh peserta kajian.....	131
Rajah 4.11	Jawapan yang terdapat dalam Plickers.....	134
Rajah 4.12	Analisis maklumat karangan menggunakan Instagram	135
Rajah 4.13	Contoh Perenggan isi yang diuraikan mengikut tema	136
Rajah 4.14	Contoh analisis bahan rangsangan oleh peserta kajian	138
Rajah 4.15	Contoh analisis bahan rangsangan oleh peserta kajian	139
Rajah 4.16	Contoh analisis bahan rangsangan dalam bentuk rangka karangan.....	140
Rajah 4.17	Contoh menyemak dalam perenggan yang dibuat oleh peserta kajian.....	143
Rajah 4.18	Contoh peserta kajian membuat pertimbangan terhadap aspek ejaan dan ayat.....	144
Rajah 4.19	Contoh perenggan peserta kajian yang menunjukkan proses menyemak berlaku	146
Rajah 4.20	Contoh perenggan yang dihasilkan oleh peserta kajian	150
Rajah 4.21	Contoh Aplikasi Plickers Yang Membantu Merangsang Idea Peserta Kajian.....	152
Rajah 4.22	Paparan Maklumat Melalui Instagram Untuk Digunakan Semula Dalam Karangan	153
Rajah 4.23	Contoh penulisan karangan menggunakan Instagram	155
Rajah 4.24	Contoh penggunaan Instagram semasa menulis karangan.....	156
Rajah 4.25	Contoh Maklumat-maklumat yang Ada Dalam Plickers Untuk digunakan Dalam Karangan.....	159
Rajah 4.26	Contoh perenggan pendahuluan yang menjelaskan tema karangan	162
Rajah 4.27	Contoh perenggan pendahuluan yang menjelaskan tema karangan.....	163
Rajah 4.28	Perenggan pendahuluan yang Menggunakan Kaedah UNIK.....	163

Rajah 4.29	Rangka karangan yang ditulis semasa merancang	164
Rajah 4.30	Contoh rangka karangan yang dihasilkan	167
Rajah 4.31	Contoh rangka karangan yang dihasilkan	167
Rajah 4.32	Perenggan isi yang ditulis oleh peserta kajian 1	170
Rajah 4.33	Perenggan isi yang ditulis oleh peserta kajian 2	170
Rajah 4.34	Perenggan isi yang ditulis oleh peserta kajian	170
Rajah 4.35	Contoh analisis tajuk oleh peserta kajian	173
Rajah 4.36	Contoh analisis tajuk menggunakan 5W 1H.....	173
Rajah 4.37	Contoh analisis tajuk oleh peserta kajian	174
Rajah 4.38	Contoh analisis tajuk oleh peserta kajian	174
Rajah 4.39	Contoh analisis tajuk menggunakan 5W 1H.....	175
Rajah 4.40	Contoh karangan lengkap yang ditulis oleh peserta kajian mengikut enam asas mengarang	178
Rajah 4.41	Contoh perenggan yang menunjukkan peserta kajian menterjemah bahan rangsangan	182
Rajah 4.42	Aplikasi Instagram yang digunakan dalam pembelajaran karangan	186
Rajah 4.43	Penggunaan Plickers dalam pembelajaran karangan berpandu.....	186
Rajah 4.44	Contoh Penggunaan Aplikasi Plickers dan Instagram dalam membantu peserta kajian menulis perenggan karangan	190
Rajah 4.45	Contoh perenggan isi yang ditulis oleh peserta kajian.....	191
Rajah 4.46	Contoh Maklumat Dalam Plickers dan Instagram yang digunakan oleh peserta kajian	193
Rajah 4.47	Contoh pendahuluan yang ditulis oleh peserta kajian bagi tajuk karangan penularan penyakit berjangkit	194
Rajah 4.48	Contoh Pendahuluan yang ditulis oleh peserta kajian bagi tajuk karangan program kitar semula.....	194
Rajah 4.49	Contoh perenggan pendahuluan yang ditulis oleh peserta kajian	195
Rajah 4.50	Contoh Perenggan Isi	198

Rajah 4.51	Contoh perenggan isi yang ditulis oleh peserta kajian.....	198
Rajah 4.52	Contoh perenggan isi yang ditulis oleh peserta kajian.....	199
Rajah 4.53	Contoh perenggan isi yang ditulis oleh peserta kajian.....	199
Rajah 4.54	Contoh perenggan penutup yang ditulis oleh peserta kajian.....	202
Rajah 4.55	Contoh perenggan penutup yang ditulis oleh peserta kajian.....	202
Rajah 4.56	Contoh skrip karangan yang mempunyai ciri-ciri menyemak karangan	206

SENARAI SINGKATAN

DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
KBAT	Kemahiran berfikir aras tinggi
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
PdP	Pengajaran dan pembelajaran
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian
Lampiran B	Surat Lantikan Pakar
Lampiran C	Kesahan Pakar
Lampiran D	Contoh Rancangan Pengajaran Harian
Lampiran E	Soalan-Soalan Temu Bual
Lampiran F	Senarai Semak
Lampiran G	Contoh Skrip Jawapan Karangan
Lampiran H	Contoh Rangka Karangan
Lampiran I	Transkrip Temu Bual

**PENGAPLIKASIAN KBAT DAN TEKNOLOGI DALAM PENULISAN
KARANGAN BERPANDU BERDASARKAN MODEL FLOWER DAN
HAYES : KAJIAN KES DI SEKOLAH BERASRAMA PENUH**

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengaplikasian KBAT dan teknologi dalam penulisan karangan berpandu berdasarkan model Flower dan Hayes: Kajian kes di sekolah berasrama penuh. Kajian ini, berfokus pada mata pelajaran Bahasa Melayu melibatkan murid tingkatan 4. Reka bentuk kajian ini ialah kajian kes dan menggunakan pendekatan kualitatif sebagai kaedah pengumpulan data. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah protokol temu bual, senarai semak dan skrip jawapan karangan berpandu. Dapatan kajian ini, menunjukkan bahawa murid menggunakan KBAT dengan mengaplikasikan semula kemahiran mengarang yang telah dipelajari melalui aplikasi teknologi. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa murid menggunakan kemahiran mengarang iaitu merancang, menterjemah, menyemak dan memantau penulisan karangan bersesuaian dengan model mengarang Flower dan Hayes. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa murid melibatkan diri secara aktif dan mengambil bahagian dalam pembelajaran karangan berpandu yang menggunakan aplikasi teknologi.

**THE APPLICATION OF HOTS AND TECHNOLOGY IN GUIDED ESSAY
WRITING BASED ON FLOWER AND HAYES MODEL : CASE STUDY IN
BOARDING SCHOOL**

ABSTRACT

This study aims to examine the application of HOTS (Higher Order Thinking Skills) and technology in guided essay writing based on the Flower and Hayes model: A case study in "This study aims to examine the application of HOTS (Higher Order Thinking Skills) and technology in guided essay writing based on the Flower and Hayes model: A case study in a full boarding school. This study, focused on the subject of Malay Language, involved students in Form 4. The research design of this study is a case study and it employs a qualitative approach as the data collection method. The instruments used in this study are interview protocols, checklists, and guided essay response scripts. The findings of this study indicate that students utilize HOTS by reapplying the writing skills they have learned through the use of technology. The study's findings also demonstrate that students employ writing skills such as planning, translating, reviewing, and monitoring in their essay writing, in line with the Flower and Hayes writing model. The study's findings also show that students actively engage and participate in guided essay learning that incorporates technology applications.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Pembelajaran di dalam kelas memerlukan seorang guru menggunakan kreativiti yang tinggi dalam menerapkan kemahiran berfikir dalam pengajaran (Zuklifli et al., 2020). Hal ini dikatakan demikian kerana, guru Bahasa Melayu bukan setakat membuat aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) seperti yang terkandung dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) tetapi guru Bahasa Melayu juga turut berperanan sebagai penggerak dan pembuka minda murid bagi memikirkan unsur yang terdapat dalam pembelajaran (Marzni Mohamed Mokhtar, 2018). Penerapan elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam aktiviti pembelajaran murid selari dengan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang terdapat dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) untuk memberikan penekanan kepada keupayaan murid untuk mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta dalam aktiviti pembelajaran bagi membolehkan murid menguasai kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KPM, 2018).

Kemahiran menulis merupakan salah satu kemahiran yang penting dalam DSKP Bahasa Melayu. Kemahiran menulis berkait rapat dengan kemahiran berfikir kerana penulisan adalah hasil daripada proses berfikir (Lai, 2017). Menyedari pentingnya kemahiran berfikir Kementerian Pendidikan Malaysia telah menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) pada tahun 2013 bagi menggantikan kemahiran berfikir kreatif dan kritis (KBKK). Kaedah pengajaran karangan yang menggunakan aktiviti KBAT bertujuan membantu murid untuk terlibat secara aktif dalam pembelajaran tersebut (Faez Amrullah et al., 2018). Manakala menurut Lai

(2017) pengajaran kemahiran menulis yang menggunakan aktiviti berfikir dapat memberikan nilai tambah terhadap penglibatan murid serta merangsang enam asas mengarang yang perlu dikuasai oleh murid apabila ingin menghasilkan karangan berpandu.

Penggunaan elemen KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) karangan berpandu adalah bertujuan untuk memberi fokus atau penekanan kepada murid tentang 4 aras kemahiran berfikir yang terlibat dalam aktiviti penulisan karangan berpandu seperti yang terdapat dalam Taksonomi Bloom iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta (Sing, 2018). Dalam hal ini, proses penerapan elemen KBAT dalam penulisan karangan dapat ditingkatkan dengan lebih menyeluruh apabila guru menggunakan aplikasi teknologi yang sesuai dalam aktiviti PdP. Aplikasi teknologi yang digunakan oleh guru di dalam kelas bagi menerapkan elemen KBAT bertujuan untuk merangsang kemahiran berfikir dalam penulisan karangan bertepatan dengan dapatan Siti Zulaidah et al. (2018) yang menyatakan bahawa aplikasi teknologi dapat meningkatkan kemahiran berfikir dan penglibatan sekali gus dapat membantu meningkatkan literasi ilmu yang ingin diterapkan. Maka sejajar dengan DSKP Bahasa Melayu tingkatan 4 yang mementingkan penggunaan aplikasi teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP), penerapan KBAT perlulah menggunakan aplikasi teknologi yang sesuai bagi menggalakkan pembelajaran akses sendiri, dalam usaha membantu murid menghasilkan karangan yang baik (KPM, 2018). Murid pada zaman ini sudah terdedah kepada penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) maka aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) pada era modenisasi ini, perlu diselaraskan dengan keperluan semasa (Noorhadi Yusuf & Zurinah Tahir, 2017).

Bab ini akan menjelaskan latar belakang, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, limitasi kajian dan definisi operasional yang digunakan dalam kajian ini.

1.2 Latar Belakang kajian

Kurang penggunaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam pembelajaran karangan masih berlaku pada hari ini, kerana murid didapati sukar untuk menulis karangan yang baik dan berkualiti (Marzni Mohamed, 2018). Pengajaran guru di dalam bilik darjah perlu dimantapkan agar penggunaan elemen KBAT dalam mata pelajaran Bahasa Melayu umumnya dan dalam penulisan karangan berpandu khususnya dapat ditingkatkan kerana menurut Abdul Ghani Jalil (2016) masih terdapat ramai murid yang lemah dalam menulis karangan yang mengandungi elemen KBAT. Sementara itu, menurut Raja Abdullah Raja Ismail dan Daud Ismail (2018) pula pendekatan, strategi, kaedah dan teknik pengajaran yang menggunakan aplikasi teknologi akan membantu menerapkan elemen KBAT dalam pembelajaran. Hal ini, bertepatan dengan pendapat Siti Zaharah Mohid et al. (2018), yang mengatakan gaya pengajaran guru yang menggabungkan pelbagai elemen teknologi yang interaktif akan membantu penggunaan elemen KBAT dengan lebih baik. Justeru, pengaplikasian KBAT dan aplikasi teknologi yang digunakan bertujuan untuk memudahkan guru menyampaikan proses mengarang di dalam bilik darjah.

Dalam konteks penulisan karangan berpandu pula murid perlu menguasai enam asas mengarang seperti yang telah dinyatakan dalam Modul Mandiri Bahasa Melayu/1, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) iaitu menganalisis soalan, merangka karangan, menulis perenggan pendahuluan, menulis perenggan isi, menulis perenggan penutup dan menyemak karangan. Dalam kajian ini, enam asas

mengarang yang digunakan dalam Modul Mandiri Bahasa Melayu/1 merujuk kepada model mengarang Flowers and Hayes (1981) yang mengaplikasikan empat proses kognitif iaitu merancang (*planning*), menterjemah (*translating*), menyemak (*reviewing*) dan memantau (*monitoring*). Penggunaan enam asas mengarang dalam proses menulis karangan sangat penting kerana karangan berpandu memerlukan murid membahaskan isu, menyatakan penjelasan, ulasan, cadangan serta menunjukkan bukti dan fakta yang relevan untuk menyokong karangan yang dihasilkan (Marzni Mohamed Mokhtar, 2018). Proses mengarang yang digunakan dalam penghasilan karangan membolehkan murid merancang penghasilan karangan dengan lebih sistematik (Faez Amrullah et al. 2018). Selain itu, menurut Che Zanariah Che Hassan dan Fadzilah Abdul Rahman (2018) dalam kajian mereka terhadap pelaksanaan kemahiran menulis, pengajaran karangan di dalam kelas yang menggalakkan murid menggunakan enam asas mengarang berupaya memberi nilai tambah dalam hasil penulisan karangan murid. Justeru, pendekatan yang holistik perlu digunakan untuk membantu murid menguasai proses mengarang yang betul dalam menulis karangan (Flowers dan Hayes, 1981) sekali gus mampu menulis karangan berpandu dengan baik kerana penilaian karangan dibuat berdasarkan kemampuan murid menulis karangan dengan baik (Marzni Mohamed Mokhtar, 2018).

Masalah penglibatan murid dalam karangan berpandu juga merupakan antara fokus dalam kajian ini. Menurut Zulkifli Osman et al. (2016) penglibatan murid akan menjadi lebih baik apabila murid digalakkan mengalami pembelajaran yang bersifat autentik sekali gus memberi peluang kepada murid terlibat secara langsung dalam aktiviti PdP guru. Selain itu, Ab. Halim Tamuri dan Siti Muhibah Nor (2018) menjelaskan bahawa pengajaran perlu diolah secara aktif oleh pelajar dan bukan

berpusatkan guru semata-mata. Di samping itu, menghasilkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran KBAT dapat mengurangkan masalah penglibatan murid seperti tidak memberi kerjasama, tidak memberi tumpuan dan tidak menyiapkan tugas karangan yang diberikan. Pembelajaran karangan berpandu perlu menarik perhatian murid bagi membolehkan mereka melibatkan diri dalam sesi PdP. Selain itu, banyak kajian lepas yang mengkaji penglibatan murid di dalam kelas menggunakan aplikasi teknologi seperti penggunaan *Twitter* dan Blog dalam pengajaran (Chawinga, 2017), Inovasi penggunaan *Facebook* sebagai media PdP (Zulaikha Ahmad Suhaimi & Ridzuan Hussin, 2018) dan media sosial sebagai medium perkongsian maklumat dalam PdP (Nurul Shakirah Zawawi & Intan Syafinaz Mohammad, 2019) berjaya meningkatkan penglibatan murid.

Penggunaan aplikasi teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) merupakan kaedah yang semakin popular dalam kalangan guru dengan menggunakan aplikasi teknologi seperti *Plickers*, *Instagram*, *Quizzes*, *Facebook*, *Twitter*, *Youtube*, dan *Kohoot* (Leon Abdillah, 2020). Faktor pengajaran guru merupakan antara faktor yang memberi kesan terhadap pemahaman murid dalam pembelajaran karangan berpandu (Nurul Aisyah Abdullah, 2016). Justeru guru perlu berusaha untuk mewujudkan PdP yang lebih interaktif dengan membuat aktiviti KBAT agar kemahiran menulis karangan dapat disampaikan dengan lebih berkesan.

1.3 Pernyataan masalah

Menurut Marzni Mohamed Mokhtar (2018) pengaplikasian KBAT semasa pembelajaran karangan di sekolah-sekolah masih berada pada tahap yang sederhana. Menurut Faez Amrullah et al. (2018) pengaplikasian KBAT dan aplikasi teknologi dalam pembelajaran karangan masih rendah kerana murid kurang terdedah dengan

PdP yang mengaplikasikan KBAT dan aplikasi teknologi dalam penulisan karangan. Selain itu, murid masih lemah dalam penguasaan elemen KBAT ketika proses menulis karangan berpandu seperti yang dinyatakan oleh Juilis Mokujal (2020) bahawa murid masih belum menguasai kemahiran KBAT bagi menjawab soalan karangan mengikut tema atau bahan yang diberikan. Selain itu, terdapat juga masalah, murid tidak menguasai KBAT semasa aktiviti penulisan karangan kerana menurut Yahya Othman (2017) penggunaan alat bantu mengajar yang kurang menarik dalam pengajaran menyebabkan pengaplikasian KBAT dalam pembelajaran karangan berpandu terjejas kerana murid lebih suka dan fokus kepada pengajaran berbantuan alat pandang dengar, berinteraksi dua hala, berbincang dan sama-sama membuat justifikasi. Justifikasi bahawa isu ini, perlu ditangani dengan sewajarnya memandangkan elemen KBAT yang diaplikasikan dalam pembelajaran karangan akan membantu murid menulis karangan berpandu dengan lebih baik.

Selain itu, terdapat juga masalah murid tidak menguasai asas mengarang seperti yang dinyatakan oleh Juilis Mokujal, 2020. Selain itu, menurut Chawing (2017) pengajaran yang tidak mengaplikasikan kemahiran asas dalam mengarang akan menyukarkan murid untuk menulis karangan hanya berdasarkan pengetahuan sedia ada mereka. Selain itu, menurut Nurul Shakirah Zawawi dan Intan Syafinaz Mohammad (2019) murid tidak dapat membuat hubung kait perkara yang dipelajari ketika proses menulis karangan kerana tidak mengetahui asas atau kemahiran mengarang yang betul. Manakala menurut Siti Zaharah Mohid et al. (2018) terdapat murid yang tidak tahu menulis rangka karangan dan menghurai isi-isi karangan dengan baik kerana tidak menguasai asas mengarang. Sedangkan menurut Faez Amrullah et al. (2018) dalam pembelajaran karangan PdP asas mengarang merupakan elemen penting yang berupaya mengembangkan tahap kognitif murid

untuk menulis karangan dengan baik. Justifikasi yang mendorong masalah ini diketengahkan adalah kerana isu ini berpotensi untuk menjadi faktor yang menyumbang kepada kemerosotan kemahiran menulis karangan berpandu dalam kalangan murid jika tidak ditangani dengan sewajarnya. Statistik menunjukkan bahawa terdapat sedikit kemerosotan subjek Bahasa Melayu di negeri Sabah pada tahun 2020 iaitu dengan gred purata 4.15 berbanding gred purata 3.95 pada tahun 2019 (JPN Sabah, 2021). Selain itu, pada tahun 2022 terdapat sedikit penurunan pada gred purata ujian sumatif karangan Bahasa Melayu iaitu 3.69 berbanding 3.25 pada tahun 2021 (PPD Kota Kinabalu, 2022). Hal ini perlu ditangani secara proaktif oleh pihak sekolah dengan mencari solusi terbaik seperti menggunakan KBAT dan alat bantu yang sesuai seperti aplikasi teknologi untuk guru mewujudkan pembelajaran yang lebih baik.

Terdapat kajian-kajian yang lepas yang menyatakan murid kurang penglibatan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) apabila guru hanya menggunakan kaedah konvensional seperti kaedah tutorial dan hanya menggunakan bahan bantu mengajar yang biasa seperti papan tulis, dan pen marker atau kapur tulis (Azieyana Aziz & Christina Andin, 2018). Masalah kurang penglibatan murid di dalam aktiviti penulisan karangan akan menjejaskan kemahiran penulisan murid. Laporan tahunan 2017 Pelan Pembangunan Pendidikan 2013 -2025 (KPM, 2017) terhadap penglibatan murid menyatakan bahawa terdapat laporan murid tidak melibatkan diri dalam aktiviti PdP guru. Situasi ini, telah menyebabkan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Laporan Tahunan 2017 Pelan Pembangunan Pendidikan 2013 - 2025 menyediakan inisiatif besar kepada Platform TMK di sekolah untuk membantu guru mewujudkan PdP yang beroreintasikan TMK bagi membantu meningkatkan penglibatan murid seperti dalam aktiviti menulis karangan. Selain itu,

menurut Adrianna Smell dan Josh Packard (2019) masalah penglibatan murid akan berlaku apabila aktiviti guru tidak menggalakkan kemahiran berfikir dan tidak memberi peluang kepada murid merasai pengalaman sebenar. Menurut Alan (2009) terdapat juga murid yang tidak melibatkan diri secara langsung dengan PdP guru kerana faktor persekitaran bilik darjah yang kurang efisien kerana motivasi utama untuk murid melibatkan diri dengan proses pengajaran dan pembelajaran adalah kerana terdapat elemen-elemen yang menarik perhatian mereka. Justeru, perkara ini perlu diberi perhatian yang sewajarnya kerana, masalah penglibatan murid dalam pembelajaran karangan berpandu akan memberi kesan terhadap kemampuan menulis dengan baik sekali gus menjejaskan penghasilan karangan yang berkualiti dalam kalangan murid (Faez Amrullah et al., 2018). Dalam dunia pendidikan moden pada hari ini, guru perlu mewujudkan PdP yang kreatif untuk meningkatkan penglibatan murid kerana menurut Mohd Noorhadi Mohd Yusof dan Zurinah Tahir (2017), terdapat murid yang kurang memberikan tumpuan dan kerjasama dalam aktiviti berkumpulan semasa pengajaran karangan berpandu disebabkan cepat bosan dengan pembelajaran karangan di dalam kelas.

Justeru isu-isu yang berlaku dalam pembelajaran karangan berpandu perlu diberikan penyelesaian yang sewajarnya agar murid dapat meningkatkan kemahiran menulis karangan berpandu sekali gus mencapai aspirasi dalam DSKP Bahasa Melayu.

1.4 Objektif Kajian

Objektif dalam kajian ini adalah:

1. Mengkaji pengaplikasian KBAT dan teknologi dalam skrip karangan berpandu tingkatan 4 di sekolah menengah berasrama penuh berdasarkan model mengarang Flower dan Hayes dengan menggunakan aplikasi teknologi.
2. Mengenal pasti proses mengarang karangan berpandu dalam kalangan murid tingkatan 4 di sekolah berasrama penuh berdasarkan model mengarang Flower dan Hayes dengan menggunakan aplikasi teknologi.
3. Mengenal pasti penglibatan murid dalam pembelajaran karangan berpandu tingkatan 4 di sekolah menengah berasrama penuh berdasarkan model mengarang Flower dan Hayes dengan menggunakan aplikasi teknologi.

1.5 Persoalan Kajian

Dalam penyelidikan ini, terdapat beberapa persoalan kajian untuk melihat kesan penggunaan aplikasi teknologi dalam meningkatkan minat pelajar menulis karangan berpandu.

1. Bagaimanakah pengaplikasian KBAT dan teknologi dalam skrip karangan berpandu tingkatan 4 di sekolah menengah berasrama penuh berdasarkan model mengarang Flower dan Hayes dengan menggunakan aplikasi teknologi?

2. Bagaimanakah proses mengarang karangan berpandu dalam kalangan murid tingkatan 4 di sekolah berasrama penuh berdasarkan model mengarang Flower dan Hayes dengan menggunakan aplikasi teknologi?
3. Bagaimanakah penglibatan murid dalam pembelajaran karangan berpandu tingkatan 4 di sekolah menengah berasrama penuh berdasarkan model mengarang Flower dan Hayes dengan menggunakan aplikasi teknologi?

1.6 Definisi Operasional

Dalam Kajian ini, terdapat beberapa isitilah yang digunakan oleh penyelidik sepanjang penulisan kajian. Penjelasan ini, bertujuan agar pembaca lebih memahami konsep kajian ini dengan lebih mudah dan sistematik.

1.6.1 Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

Istilah kemahiran berfikir aras tinggi diertikan sebagai proses pencarian makna dalam minda murid dengan mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dan berdaya kreatif bagi mencerna idea, membuat penaaakulan, menimbangkan keputusan, mencari penyelesaian masalah, membuat refleksi, berinovasi dan mampu merekacipta dalam usaha mewujudkan modal insan yang berkemahiran tinggi (Marzni Mohamed Mokthar, 2018). Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) juga merupakan perkara keperluan atau keutamaan dalam menentukan kejayaan transformasi pendidikan seperti yang digariskan dalam PPPM 2013 - 2025 (Buletin Transformasi Pendidikan Malaysia, 2015). Dalam Kajian ini, elemen kemahiran berfikir aras tinggi yang dikaji mengikut aras berfikir yang telah dicadangkan oleh

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang melibatkan empat proses KBAT semasa menulis karangan iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta.

1.6.2 Karangan berpandu

Menurut Nazli Ali et al. (2020) Karangan berpandu ialah karangan yang menggunakan bahan rangsangan seperti gambar, iklan, petikan, ilustrasi kartun, gambar rajah, catatan, pelan atau peta. Karangan berpandu menggunakan bahan rangsangan mula diperkenalkan pada tahun 2004 dalam bahagian A kertas 1 Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Karangan berpandu hendaklah ditulis antara 200-250 patah perkataan yang terdiri daripada satu perenggan pendahuluan, tiga perenggan isi dan satu perenggan penutup. Markah keseluruhan untuk karangan berpandu ialah sebanyak 30 markah, Lembaga Peperiksaan Malaysia (2020). Karangan berpandu yang digunakan dalam kajian ini, ialah karangan berpandu berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bagi murid tingkatan 4.

1.6.3 Sekolah Berasrama Penuh

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2022) sekolah berasrama penuh telah dtubuhkan semasa rancangan Malaysia kedua (1975-1980) bagi menyediakan suasana persekolahan yang terancang, terkawal dan kondusif untuk mengembangkan potensi murid agar menjadi modal insan yang cemerlang dan berkualiti. Dalam kajian ini, sekolah berasrama penuh yang terlibat adalah sebuah sekolah berasrama penuh di negeri Sabah kerana murid dapat menggunakan peralatan elektronik dengan kebenaran pihak sekolah semasa aktiviti pembelajaran dijalankan. Murid tingkatan 4 yang terlibat dalam kajian ini, juga telah mengikut pembelajaran yang menggunakan aplikasi teknologi.

1.6.4 Model Mengarang Flower dan Hayes

Menurut Flower dan Hayes (1981) proses mengarang merupakan proses menyimpan, menyusun, mengubah, dan mengaplikasi maklumat yang diperoleh. Dalam konteks kajian ini, proses mengarang merujuk kepada proses yang berlaku semasa proses menghasilkan karangan berpandu iaitu merancang, menterjemah, menyemak dan memantau. Model mengarang Flower dan Hayes ini, juga terdapat dalam setiap peringkat enam asas mengarang yang akan digunakan dalam kajian ini, sebagai teknik asas menulis karangan berpandu. Proses merancang bermula dengan murid membina kerangka karangan bagi menggambarkan penulisan keseluruhan karangan dan elemen KBAT yang diterapkan dalam proses ini adalah mengaplikasi iaitu murid menggunakan kemahiran yang telah dipelajari seperti menganalisis soalan dan arahan, mengaitkan tajuk dan tema karangan dengan bahan rangsangan sebelum menghasilkan rangka karangan. Proses Seterusnya adalah menterjemah yang melibatkan elemen KBAT menganalisis kerana murid perlu menganalisis perkara, isu, gambar dan tema dalam penulisan dan menterjemahnya dalam bentuk penulisan (Flower dan Hayes, 1981).

Proses mengarang yang Seterusnya adalah menyemak karangan dan elemen KBAT yang terlibat ialah menilai kerana murid akan menilai aspek-aspek kesalahan yang terdapat dalam penulisan sebelum menghantar kepada guru (Flower & Hayes, 1981). Akhir sekali proses mengarang yang terlibat adalah memantau dan elemen KBAT yang terlibat ialah menilai kerana murid akan menilai setiap proses penulisan bermula dari penulisan pendahuluan sehinggalah perenggan penutup bagi memastikan proses penulisan berjalan dengan lancar dan penulisan menepati tema karangan (Flower & Hayes, 1981)

1.6.5 Aplikasi Teknologi

Menurut David et al. (2021) aplikasi teknologi merujuk kepada sesuatu teknologi yang dibangunkan sama ada melalui komputer, peranti atau telefon pintar. Manakala Gillis (2018) menyatakan aplikasi teknologi merupakan satu perisian yang menjalankan fungsi tertentu kepada pengguna. Dalam konteks pembelajaran pula, Nur Fatin Shamimi Che Ibrahim (2021) menyatakan aplikasi teknologi dalam pembelajaran merupakan satu pendekatan yang kreatif, inovatif, dinamik serta menghiburkan bagi menarik perhatian murid dalam sesuatu aktiviti PdP. Dalam kajian ini, aplikasi teknologi yang akan digunakan dalam pembelajaran karangan berpandu sebagai alat bantu dalam menerapkan elemen KBAT dan membantu murid menguasai proses mengarang.

1.6.6 Penglibatan

Menurut Fredricks et al. (2004) penglibatan dilihat sebagai hubungan aktif murid dengan aktiviti pembelajaran yang dijalankan di dalam kelas yang melibatkan aspek tingkah laku, emosi dan kognitif. Dalam kajian ini, penglibatan murid meliputi tingkah laku, emosi dan kognitif dalam kelas akan dijadikan sebagai kayu ukur untuk melihat penggunaan aplikasi teknologi terhadap penglibatan murid dalam pembelajaran karangan berpandu. Aspek penglibatan yang dilihat berdasarkan tingkah laku, emosi dan kognitif ialah ketika murid memberikan reaksi yang positif atau negatif terhadap aktiviti PdP guru, reaksi terhadap alat bantu mengajar yang digunakan oleh guru, reaksi terhadap rakan sekelas, reaksi terhadap persekitaran bilik darjah, keinginan untuk belajar, keinginan untuk datang ke sekolah dan perasaan sedih atau gembira setelah mendapat keputusan atau markah dalam sesuatu tajuk karangan berpandu setelah guru menggunakan aplikasi teknologi.

1.7 Signifikan kajian

Melalui kajian ini, panitia Bahasa Melayu, murid dan guru akan mendapat manfaat melalui proses karangan yang mementingkan penerapan KBAT menggunakan aplikasi teknologi. Menurut Mohammad Kamaludin (2020) aplikasi teknologi dalam pembelajaran merupakan alat yang digunakan untuk menyampaikan maklumat dan bertukar-tukar pendapat. Berikut beberapa signifikan kajian ini terhadap pihak-pihak yang terlibat.

1.7.1 Panitia Bahasa Melayu

Dapatan kajian ini juga dapat digunakan oleh pihak tertentu seperti Panitia Bahasa Melayu bagi membina modul yang berkaitan dengan proses mengarang untuk kegunaan murid sekolah menengah. Dalam masa yang sama panitia Bahasa Melayu juga dapat merancang aktiviti pembelajaran berkaitan dengan proses mengarang yang lebih praktikal bersesuaian dengan pandemik Covid-19 (Rahayu Ahamad Bahtiar et al., 2020.) Dunia pendidikan telah berubah dengan pantas dan dalam situasi pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia ini, bidang pendidikan turut terjejas. Justeru melalui kajian ini, idea untuk menggunakan aplikasi teknologi sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran akan dapat membantu guru melaksanakan penerapan KBAT semasa murid menulis karangan bersesuaian dengan situasi Pandemik Covid-19. Selain itu, kajian ini dapat membantu panitia Bahasa Melayu merancang pembelajaran yang menarik untuk membolehkan murid mengikuti PdP dengan lebih berkesan. Selain itu, melalui kajian ini, panitia Bahasa Melayu dapat menggunakan pelbagai pendekatan dan aktiviti dalam bilik darjah dengan menggunakan aplikasi teknologi dan modul mengarang semasa aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran sekali.

1.7.2 Murid

Melalui kajian ini juga, murid akan didedahkan dengan cara penulisan karangan berpandu yang sistematik bermula daripada menggunakan enam asas mengarang yang akan merangsang proses kognitif bagi menghasilkan karangan yang lebih baik. menurut Jeremy (2019) aplikasi teknologi yang digunakan dalam bilik darjah untuk pengajaran karangan akan membantu murid terlibat secara aktif dalam pembelajaran. Webster (2021) mengatakan bahawa penggunaan aplikasi teknologi dalam pengajaran karangan akan merangsang elemen KBAT kerana murid menggunakan sendiri aplikasi teknologi untuk menganalisis dan menilai bahan dan maklumat bagi menghasilkan karangan. Kajian ini, sangat penting untuk dilakukan bagi membantu guru melaksanakan aktiviti PdP yang lebih menarik menggunakan aplikasi teknologi yang sesuai.

Kemahiran menulis karangan merupakan kemahiran yang mesti dikuasai oleh murid bagi menjawab kertas 1 Bahasa Melayu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), tanpa kemahiran yang berkesan dalam menghasilkan karangan, maka keputusan peperiksaan pelajar bagi mata pelajaran Bahasa Melayu akan terjejas. Melalui kajian ini, murid didedahkan dengan proses mengarang yang betul bagi membantu mereka menulis karangan dengan baik. Menurut Che Zanariah Che Hasssan dan Fadzilah Rahman (2021) kemahiran menulis merupakan kemahiran kognitif yang kompleks dan ditekankan dalam DSKP Bahasa Melayu kerana hampir semua kertas peperiksaan memerlukan murid menjawab dalam bentuk tulisan dan huraian ayat. Florian Coulmas (2021) pula mengatakan kemahiran menulis sangat penting untuk membolehkan murid menceritakan ilmu yang dipelajari secara bertulis hasil daripada aktiviti pembelajaran. Melihat kepada pentingnya kemahiran menulis sebagai faktor utama yang membantu murid menulis karangan dengan baik, maka penyelidikan ini,

akan membantu guru mewujudkan PdP yang berkesan untuk membantu murid menulis karangan berpandu dengan tersusun dan menepati kehendak soalan.

1.7.3 Guru

Penggunaan aplikasi teknologi dalam PdP akan membolehkan guru mendapat jawapan yang lebih cepat daripada murid. Aplikasi teknologi yang digunakan oleh guru akan membantu menjelaskan isu-isu semasa berkaitan tajuk karangan berpandu sama ada untuk mendapatkan fakta, isi atau peribahasa. Jika sebelum ini, guru menghabiskan masa yang panjang untuk memberi ruang kepada pelajar mencari isi-isi penting, fakta, frasa menarik dan peribahasa untuk karangan. Namun dengan menggunakan aplikasi teknologi ini, murid terus mengetahui jawapan mereka dan guru dapat memberi pengukuhan serta merta.

Selain itu, kajian ini membantu guru menjimatkan penggunaan kertas kerana guru hanya memaparkan bahan pembelajaran atau soalan karangan berpandu secara maya. Penilaian juga dapat dijalankan secara maya dan guru dapat mengurangkan penggunaan kertas bagi menunjukkan bahan rangsangan untuk pelajar. Menurut Listia Nurjanah (2020), melalui penggunaan aplikasi teknologi dalam pembelajaran, proses PdP oleh guru seperti perkongsian maklumat, perkongsian fail, gambar dan video, menghasilkan blog, menghantar mesej serta mengendalikan ruangan perbincangan mudah dilaksanakan.

1.8 Limitasi Kajian

Kajian ini, ingin melihat pengaplikasian KBAT dan teknologi dalam pembelajaran karangan berpandu. Aras KBAT yang terlibat dalam kajian ini, merujuk kepada taksonomi Bloom iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai, dan

mencipta seperti yang telah disarankan oleh KPM. Manakala hanya dua aplikasi teknologi yang digunakan dalam kajian ini iaitu Plickers dan Instagram.

Selain itu, kajian ini juga akan melihat proses mengarang yang berlaku semasa menulis karangan berpandu serta hanya merujuk dengan model mengarang Flower dan Hayes sebagai model utama dalam proses mengarang. Skop kajian juga terbatas kepada karangan berpandu jenis bergambar sahaja yang perlu ditulis mengikut format sebenar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Selain itu, karangan berpandu hendaklah ditulis dalam anggaran 200 - 250 patah perkataan.

Selain itu, kajian ini turut melihat penglibatan murid dalam pembelajaran karangan berpandu. Sampel kajian hanya melibatkan murid tingkatan 4 dari sebuah sekolah berasrama penuh di daerah Kota Kinabalu. Kaedah pengumpulan data yang digunakan ialah melalui temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen.

Namun begitu, dapatan kajian ini tidak mewakili seluruh sekolah berasrama penuh di negeri Sabah tetapi sedikit sebanyak dapat memberi gambaran terhadap penggunaan KBAT dan aplikasi teknologi dalam membantu murid menulis karangan berpandu mengikut proses mengarang yang betul dan meningkatkan penglibatan murid dalam pembelajaran karangan berpandu.

1.9 Rumusan

Bab ini telah membincangkan penerapan elemen KBAT dalam pembelajaran karangan berpandu di sekolah menengah berasrama penuh berdasarkan model mengarang Flower dan Hayes menggunakan aplikasi teknologi. Murid pada mutakhir ini, lebih berminat dengan penggunaan teknologi maklumat dalam pembelajaran mereka. Penggunaan bahan bantu mengajar menggunakan aplikasi teknologi

mempunyai pengaruh yang besar terhadap murid dalam pembelajaran terutamanya penulisan karangan seperti karangan berpandu yang memerlukan bahan rangsangan sebagai paparan. Justeru, penggunaan aplikasi teknologi seharusnya menjadi salah satu bahan bantu mengajar (BBM) yang harus digunakan secara lebih meluas semasa pembelajaran karangan berpandu, tambahan pula sekolah berasrama penuh membenarkan murid menggunakan peralatan elektronik ketika proses pengajaran dan pembelajaran. Situasi pandemik yang melanda dunia sekarang memerlukan PdP secara atas talian dijadikan sebagai salah satu pilihan utama bagi memastikan minat murid dalam penulisan karangan berpandu dapat ditingkatkan supaya dapat membantu murid lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Murid perlu didedahkan dengan enam asas mengarang yang dijadikan standard penulisan karangan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui modul Mandiri Bahasa Melayu/1 bagi membantu murid dalam menghasilkan karangan dengan baik. Menurut Juilis Mokujal (2020) enam asas mengarang merupakan perkara asas yang perlu dikuasai oleh murid bagi melancarkan proses menghasilkan karangan. Enam asas mengarang yang digunakan dalam modul Mandiri Bahasa Melayu/1 juga berdasarkan kepada model mengarang Flowers dan Hayes (1981) yang menyatakan bahawa proses mengarang yang efektif dan sistematik melibatkan aktiviti merancang, menterjemah, menyemak dan memantau penulisan karangan. Pembelajaran karangan juga perlu dilaksanakan dengan lebih kreatif contohnya dengan menggunakan KBAT dan aplikasi teknologi yang sesuai untuk merangsang murid menghasilkan karangan dengan baik.

Penggunaan aplikasi teknologi dalam pembelajaran merupakan pemangkin kepada inovasi dalam proses pendidikan pada masa kini. Penggunaan alat-alat konvensional seperti buku teks, dan papan tulis masih relevan digunakan tetapi dalam mendepani pelbagai cabaran dalam dunia yang serba moden guru dan murid perlu meneroka ilmu secara digital, dan pantas. Pembelajaran karangan berpandu secara konvensional tidak dapat merangsang elemen KBAT secara menyeluruh (Zamri Mohamad & Nur Aisyah Mohamad Noor, 2018). Selain itu, Pandemik

Covid-19 telah memberikan impak yang sangat besar dalam sistem pendidikan secara global, banyak sekolah telah ditutup dan pembelajaran berasaskan aplikasi teknologi menjadi keutamaan pada masa pandemik, sekali gus menjadikan penggunaan aplikasi teknologi sebagai pilihan utama dalam menyampaikan ilmu. Perkembangan teknologi maklumat ini juga telah menyebabkan pengaruh aplikasi teknologi digunakan secara meluas dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di peringkat sekolah mahupun di IPTA (Mohd Yusof & Zurinah Tahir, 2017).

Bab ini, akan membincangkan dengan lebih lanjut tentang pengaplikasian KBAT dan teknologi, kurikulum Bahasa Melayu KSSM, kemahiran berfikir, proses mengarang, penglibatan murid dalam pembelajaran karangan berpandu, model pembelajaran yang digunakan dalam penyelidikan ini, serta dapatan kajian -kajian lepas dalam negara dan luar negara.

2.2 Kemahiran Berfikir

Manusia mempunyai kelebihan yang dikurniakan tuhan iaitu akal fikiran. Akal membolehkan manusia berfikir, membuat penaaakulan, membentuk konsep dan memahami fenomena. Presseisen (1987) menyatakan bahawa kemahiran berfikir sebagai satu aktiviti mental untuk memperoleh pengetahuan sehingga menemui jawapan. Manakala Ruggerio (1988), pula menambah kenyataan tersebut dengan menyatakan bahawa kemahiran berfikir mestilah mempunyai tujuan tertentu. Aspek penting kemahiran berfikir yang akan digunakan dalam kajian ini, iaitu Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) berdasarkan cadangan Kementarian Pendidikan Malaysia.

Menurut Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (BPK, 2018) kemahiran berfikir ialah kemampuan untuk menggunakan minda bagi menghadapi sesuatu situasi dan membuat keputusan yang sesuai berdasarkan penaaakulan. Menurut BPK (2018) lagi pelaksanaan aktiviti PdP yang tidak menekankan kemahiran berfikir akan menyebabkan murid tidak dapat mengaplikasikan ilmu yang disampaikan oleh guru dalam kehidupan seharian mereka. Kemahiran berfikir yang ditekankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah berdasarkan kepada aras taksonomi Bloom (KPM, 2018). Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), telah memberi penekanan terhadap kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam sistem pendidikan sedia ada bagi menghadapi persilangan global yang semakin sengit. Berdasarkan dokumen kemahiran berfikir aras tinggi, Aplikasi di sekolah terbitan Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (2014) KBAT diterapkan dalam sistem persekolahan supaya murid tidak hanya menghafal tetapi juga faham dan tahu apa yang mereka pelajari dan menggunakan akal fikiran pada tahap yang tinggi dengan menguasai kemahiran KBAT berdasarkan Taksonomi Bloom iaitu menilai, mengaplikasi, menganalisis dan mencipta. Kemahiran ini selari dengan enam aspirasi murid seperti yang dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) iaitu setiap murid akan mempunyai pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional (KPM, 2014). Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) ialah kemampuan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperolehi, kemudian dalam masa yang sama dapat membuat penaaakulan dan refleksi bagi mencipta tindakan untuk menyelesaikan masalah dan mencipta sesuatu yang baru.

Murid yang menguasai KBAT akan lebih berani untuk meneroka sesuatu yang baru. Penerapan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) akan menggalakkan pelajar untuk berfikir secara logik, mengemukakan fakta berdasarkan bacaan dan penyelidikan untuk mengemukakan hasil atau cara menyelesaikan sesuatu masalah dengan rasional (BPK, KPM 2018). Proses penerapan KBAT menurut BPK (2014) ialah proses menggabungkan kemahiran mengaplikasi, menilai, menganalisis dan mencipta berdasarkan Taksonomi Bloom dalam proses PdP untuk memberi kefahaman yang menyeluruh bagi mengelakkan murid menghafal semata-mata.

Selain itu, KPM telah menggariskan beberapa panduan untuk murid berupaya bersaing pada peringkat global seperti berikut iaitu berdaya tahan dan dapat berfikir secara kritis (KPM, 2018). Manakala guru yang melaksanakan pengajaran yang mengandungi pedagogi yang membantu pelajar membangunkan KBAT, berupaya secara langsung meningkatkan pencapaian pelajar (Nooriza Kassim & Effandi Zakaria, 2018).

Jadual 2.1

Tahap Pemikiran KBAT Mengikut Taksonomi Bloom

Tahap Pemikiran	Penerangan
Mencipta	Menghasilkan idea, produk atau kaedah yang baru
Menilai	Membuat pertimbangan dan keputusan berdasarkan pengetahuan
Menganalisis	Mecerakinkan maklumat dan membuat hubung kait dengan teliti
Mengaplikasi	Menggunakan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dipelajari.
Memahami	Mengingat semula maklumat dan boleh menjelaskan semula
Mengingat	Mengingat semula maklumat, fakta atau konsep

Sumber (daripada BPK, 2014)

Jadual 2.1 menunjukkan KBAT dalam aras Taksonomi Bloom yang memaparkan tahap pemikiran akan meningkat bermula daripada proses mengingat,

memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Kemahiran mencipta merupakan tingkat tertinggi dalam KBAT. Kemp (1987), menyatakan bahawa Taksonomi Bloom berkembang daripada aras mengingat yang mudah kepada aras-aras kegiatan mental yang lebih tinggi seperti menganalisis.

Dalam kajian ini, aplikasi teknologi akan digunakan sebagai alat bantu untuk membantu penerapan empat KBAT iaitu elemen mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta dengan cara melibatkan secara langsung murid dalam aktiviti pembelajaran karangan berpandu menggunakan aplikasi teknologi di dalam kelas. Domain KBAT yang digunakan dalam kajian ini diambil dari model Kemahiran Berfikir Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK)

Model kemahiran berfikir BPK adalah bertujuan untuk memberi fokus atau penekanan kepada murid-murid di sekolah untuk berfikir dengan lebih jauh dan kreatif mengikut peringkat iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta (Sing. 2018). Menurut Yahya Othman (2014) penerapan KBAT dalam pengajaran guru dapat membantu murid dalam kemahiran berbahasa serta mampu menguasai kemahiran sendiri secara lebih produktif dan berkesan. Penerapan KBAT dalam PdP penting bagi menjadikan murid mempunyai sikap ingin tahu, berani mencuba sesuatu yang berunsur positif dan mengamalkan sikap pembelajaran sepanjang hayat (Marzni Mohamed Mokhtar, 2018).

2.3 Model Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK)

Model Kemahiran berfikir aras tinggi, BPK telah dihasilkan pada tahun 2014 oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum yang bertujuan untuk membudayakan KBAT dalam kalangan murid di setiap peringkat persekolahan. Model ini, juga

memberi peluang kepada murid untuk meneroka potensi diri. Berdasarkan model ini, murid diberikan penekanan terhadap penyelesaian masalah, penaakulan dan pemikiran kreatif dan kreatif. Model ini digunakan dalam penulisan karangan dengan menekankan kemampuan murid menghasilkan idea karangan melalui bahan rangsangan.

Model KBAT, BPK (2014) dipilih sebagai model pembelajaran dalam kajian ini, kerana model ini menekankan penerapan KBAT dalam PdP di bilik darjah. Model ini dibangunkan oleh BPK sebagai satu inisiatif pelaksanaan KBAT berdasarkan Anjakan ke-4 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 - 2025 sebagai usaha untuk melahirkan murid yang berfikiran aras tinggi serta berupaya bersaing dalam pentas global. Model kemahiran berfikir BPK menggunakan Taksonomi Bloom sebagai asas utama dalam membentuk kemahiran berfikir (KPM, 2014). Melalui model ini setiap murid perlu menguasai kemahiran berfikir bagi membolehkan murid mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam kehidupan seharian. Rajah 2.1 merupakan model kemahiran berfikir BPK yang menjelaskan pendedahan kepada elemen KBAT akan melahirkan murid yang mempunyai kemahiran belajar, kemahiran hidup, kreatif, dan inovatif sekali gus mampu membantu mereka membuat keputusan dan menyelesaikan masalah dengan lebih baik.